

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

PLG 313 - Kaedah Mengajar Fizik II

Tarikh: 15 April 1987

Masa: 2.15 ptg - 4.15 ptg
(2 jam)

Jawab SEMUA soalan.

1. Dalam kursus PLG 313 ini, kaedah-kaedah pengajaran-pembelajaran fizik di sekolah menengah telah dibahagikan ke dalam dua bahagian besar. Yang pertama ialah pengajaran fizik secara kaedah "penemuan" atau "tinjausiasat", kaedah ini berdasar teori teori Piaget. Yang kedua, ialah kaedah yang lebih mementingkan penjelasan dan pembelajaran berbahasa (verbal learning), yang dicadangkan oleh Ausubel.

Terangkan kefahaman anda tentang kedua-dua kaedah tersebut. Keterangan anda harus termasuk ide-ide mengenai proses pemikiran pelajar, teori-teori asas kaedah-kaedah, dan langkah-langkah pengajaran-pembelajaran.

Jikalau anda diminta mengajar topik "Getaran dan Gelombang" dari Sukatan Pelajaran Malaysia ke sebuah kelas sains di sekolah menengah, jelaskan bagaimana anda hendak mengajar topik ini. Beri sebab-sebab mengapa anda memilih kaedah/kaedah-kaedah ini. Jelaskan jawapan anda dengan contoh-contoh.

(60 markah)

...2/-

2. Pilih DUA daripada tajuk-tajuk berikut dan bincangkan sumbangan-sumbangannya dalam pengajaran-pembelajaran Fizik di sekolah menengah. Jelaskan jawapan anda dengan contoh-contoh sendiri yang melibatkan isi-isi daripada fizik.

- (a) Soalan dan Penyoalan
- (b) Penilaian
- (c) Kemahiran kemahiran Penyampaian
- (d) Pengurusan dan Organisasi sebuah makmal
- (e) Objektif-objektif Am dan Khas
- (f) Kaedah mengajar specific (misalnya kuliah, perbincangan dan lain-lain).

(40 markah)

00000000